

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI****12. PROJEK PUSAT FIDLOT NASIONAL****12.1. LATAR BELAKANG**

12.1.1. Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (Kementerian) telah mengubal Dasar Pengeluaran Daging Lembu Negara sebagai garis panduan dalam meningkatkan pengeluaran daging negara. Dua objektif utama dasar tersebut adalah untuk meningkatkan populasi ternakan lembu dan meningkatkan pengeluaran daging lembu. Dasar ini adalah selaras dengan *National Key Economic Area* yang telah ditetapkan iaitu pengukuhan syarikat penaung dalam ternakan lembu fidlot dan pelaburan luar negara dalam industri ternakan.

12.1.2. Dalam usaha menyokong hasrat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sembilan melalui Menteri Besar Negeri Sembilan Pemerbadanan (MBNS Inc.) bersetuju untuk membangunkan kawasan seluas 5,000 ekar di Daerah Gemas sebagai Ladang *Beef Valley* bagi mengusahakan aktiviti ternakan secara komersial agar dapat menyumbang kepada bekalan makanan negara. Pusat Fidlot Nasional (PFN) akan menjadi komponen utama di Ladang *Beef Valley* dan objektifnya adalah untuk dijadikan pusat penternakan lembu fidlot secara komersil dan bersepadu; mewujudkan sistem pengeluaran daging lembu secara perladangan kontrak dengan rangkaian pemasaran produk yang kukuh dan bersepadu di seluruh negara serta mewujudkan rangkaian bekalan (supply chain) dalam industri pengeluaran daging lembu secara bersepadu yang melibatkan aktiviti hulu dan hiliran.

12.1.3. Di bawah RMKe-9, Kerajaan telah meluluskan sejumlah RM73.64 juta untuk melaksanakan projek PFN yang melibatkan kos pembangunan dan pengoperasian. Bagi pembangunan PFN, Kementerian pada bulan Disember 2006 telah menandatangani satu kontrak bernilai RM19.86 juta dengan APT Equity Sdn. Bhd. untuk kerja mereka bentuk, membina, membersihkan kawasan, menanam rumput dan membangunkan infrastruktur pengairan bagi 5,000 ekar tanah. Pada tahun 2007 pula, setelah MBNS Inc. memutuskan untuk mengambil balik 3,000 ekar tanah, Kementerian telah menandatangani satu lagi kontrak bernilai RM11.48 juta dengan syarikat yang sama untuk kerja pembinaan pagar berangkai dan jalan ladang bagi baki 2,000 ekar tanah.

12.1.4. Pada bulan Oktober 2006, Kementerian telah melantik Agrosience Industries Sdn. Bhd. sebagai syarikat peneraju untuk 1,500 ekar yang kemudiannya menubuhkan anak syarikat National Feedlot Corporation Sdn. Bhd. (NFCorp) sebagai *integrator* PFN. *Integrator* akan menaungi usahawan fidlot secara kontrak di kawasan ladang yang sama atau sekitarnya dengan membekalkan input utama seperti makanan ternakan dan anak lembu (*feeder*). Selain itu, Kementerian juga

melantik Lamberts Agricultural Trade (M) Sdn. Bhd. (Lamberts) sebagai operator utama penternakan lembu fidlot bagi kawasan seluas 500 ekar tanah.

#### **12.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan yang dijalankan adalah untuk menilai sama ada projek PFN telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

#### **12.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek PFN. Semakan terhadap dokumen dan fail yang berkaitan telah dilaksanakan di Bahagian Industri Tanaman, Ternakan Dan Perikanan dan Bahagian Pengairan Dan Saliran Pertanian, Kementerian serta Bahagian Pembangunan Komoditi Ternakan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV). Di samping itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat serta lawatan ke tapak PFN juga dilakukan.

#### **12.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga Mac 2011 mendapati objektif projek PFN masih belum dicapai sepenuhnya disebabkan *Entrepreneur Development Programme* (EDP) bagi melahirkan 130 pengusaha ladang satelit belum dilaksanakan dan operator utama menarik diri pada tahun 2008. Selain itu, terdapat juga kelemahan dalam pengurusan projek seperti kelewatan/kegagalan menandatangani perjanjian pelaksanaan, pengurangan keluasan kawasan projek, infrastruktur tidak digunakan dan penyenggaraan infrastruktur yang kurang memuaskan. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta ulasan pihak terlibat adalah seperti di perenggan berikut:

##### **12.4.1. Prestasi Pencapaian Projek**

###### **12.4.1.1. Sasaran Pengeluaran Lembu Tidak Tercapai**

- a. Projek PFN dibangunkan bertujuan untuk dijadikan kawasan penternakan lembu fidlot komersial dan bersepadu. Kementerian menjangkakan pengeluaran hasil ternakan lembu adalah sebanyak 60,000 ekor pada akhir tahun 2015. Pengeluaran ini dirancang berperingkat secara tahunan di mana Kementerian menetapkan sasaran pengeluaran sebanyak 8,000 ekor lembu pada tahun 2010. Semakan Audit mendapati pencapaian pengeluaran sebenar pada tahun 2010 hanyalah 3,289 ekor (41.1%). Antara sebab ketidakcapaian sasaran ini adalah seperti di perenggan berikut:

###### **i. *Entrepreneur Development Programme* Belum Dilaksanakan**

Berdasarkan perjanjian pelaksanaan, NFCorp perlu melaksanakan EDP bagi melahirkan 130 pengusaha ladang satelit. Sehubungan ini, NFCorp

perlu menyediakan *Standard Operating Procedure (SOP)* sebagai panduan kepada pengusaha ladang satelit untuk menjalankan penternakan lembu fidlot. NFCorp juga perlu mengadakan perjanjian dengan pengusaha ladang satelit bagi membekal input lembu *feeder* dan makanan ternakan serta membeli balik lembu setelah digemukkan selama 100 hari oleh penternak. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2010, NFCorp masih belum melaksanakan EDP. Selain itu, draf SOP yang disediakan oleh NFCorp masih belum dimuktamadkan walaupun ia telah dipinda oleh JPV.

## ii. Operator Utama Menarik Diri

Lamberts telah menerima tawaran Kementerian sebagai operator utama penternakan lembu fidlot bagi kawasan seluas 500 ekar. Bagaimanapun, didapati syarikat ini telah menarik diri pada 13 November 2008 kerana tidak mendapat sokongan daripada rakan kongsi syarikat yang membekalkan lembu.

## iii. Kawasan Foder Dipenuhi *Acacia*

Mengikut kertas cadangan yang disediakan oleh JPV, dianggarkan 80% daripada keluasan kawasan PFN perlu digunakan untuk penanaman rumput sebagai makanan ternakan (*foder*). Kawasan ini sepatutnya ditanam dengan rumput yang bersesuaian seperti *napier* dan *guinea* untuk sistem penternakan intensif secara potong-angkut. Bagaimanapun, lawatan Audit ke tapak PFN pada bulan Mac 2011 mendapati kebanyakan kawasan yang sepatutnya ditanam dengan rumput ditumbuhi dengan pokok *acacia* seperti di **Gambar 12.1** dan **12.2**. Berdasarkan maklum balas JPV, pertumbuhan pokok *acacia* adalah terlalu cepat dan mengganggu kesuburan tanah yang ditanam dengan rumput walaupun pengapuran dan pembajaan telah dijalankan semasa peringkat pembersihan kawasan.

GAMBAR 12.1



Kawasan NFCorp  
- Kawasan Foder Ditumbuhi Acacia  
(08.03.2011)

GAMBAR 12.2



Kawasan NFCorp  
- Pokok Acacia Menutupi Rumput  
(08.03.2011)

- b. Berdasarkan maklum balas Kementerian, jumlah lembu yang sebenar dimasukkan ke ladang PFN adalah sebanyak 8,016 ekor bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 5,742 ekor telah disembelih sehingga akhir bulan November 2010. Oleh itu, sasaran 8,000 ekor lembu pada tahun 2010 sebenarnya telah dicapai.

Pada pendapat Audit, sasaran pengeluaran sebanyak 8,000 ekor lembu bagi tahun 2010 masih belum dicapai kerana hanya sebanyak 5,742 ekor lembu disembelih untuk tempoh tahun 2008 hingga 2010. Bagi meningkatkan pengeluaran lembu, EDP dan sumber bekalan makanan hendaklah diberi keutamaan.

#### 12.4.1.2. Prestasi Kewangan

- a. Bagi tahun 2007 hingga 2010, sejumlah RM48.71 juta (66.1%) telah dibelanjakan daripada peruntukan keseluruhan berjumlah RM73.64 juta untuk membangunkan projek PFN. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.1**  
**PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROJEK**  
**PUSAT FIDLOT NASIONAL**

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
		(RM Juta)	(%)
2007	40.50	30.81	76.1
2008	11.50	10.16	88.3
2009	6.41	6.41	100.0
2010	15.23	1.33	8.7
<b>JUMLAH</b>	<b>73.64</b>	<b>48.71</b>	<b>66.1</b>

- b. Kementerian Kewangan telah meluluskan geran pelancaran projek PFN berjumlah RM13 juta kepada NFCorp pada 3 Oktober 2007 bagi tujuan penyediaan infrastruktur. Adalah didapati sejumlah RM6.52 juta telah dibayar kepada NFCorp pada 25 Oktober 2007 dan Kementerian memutuskan baki geran pelancaran hanya akan dibayar setelah perjanjian pelaksanaan ditandatangani. Selain daripada geran pelancaran, Kementerian Kewangan juga telah meluluskan pinjaman mudah (soft loan) berjumlah RM250 juta kepada NFCorp dengan kadar faedah 2% setahun bagi tujuan membiayai kos pembangunan dan operasi PFN. Perjanjian pinjaman mudah telah ditandatangani di antara Kementerian Kewangan dan NFCorp pada 6 Disember 2007 dan sehingga akhir tahun 2010, sejumlah RM134.72 juta telah disalurkan kepada NFCorp.

- c. Semakan Audit mendapati baki geran berjumlah RM6.48 juta masih belum dibayar kepada NFCorp walaupun perjanjian pelaksanaan telah ditandatangani pada 8 Mac 2010. Manakala pengeluaran baki wang pinjaman mudah berjumlah RM115.28 juta telah ditangguhkan pada bulan April 2009. Ini adalah disebabkan Kementerian Kewangan telah menangguhkan projek PFN sehingga kajian *Viability And Business Model Project* dilaksanakan.
- d. Berdasarkan maklum balas, kajian *Viability And Business Model Project* telah selesai dijalankan oleh UPM Holdings dan laporan dikemukakan kepada Kementerian pada 5 April 2011. Kementerian sedang mengkaji laporan tersebut dan akan mengemukakan laporan kepada Kementerian Kewangan untuk mendapat keputusan muktamad.

**Pada pendapat Audit, perbincangan untuk memutuskan pemberian bantuan kewangan, pengeluaran pinjaman mudah serta hala tuju projek perlu diadakan dengan segera untuk memastikan projek ini dapat dijayakan.**

#### **12.4.1.3. Prestasi Fizikal**

- a. Berdasarkan perjanjian pelaksanaan, Kerajaan perlu menyediakan infrastruktur asas seperti jalan masuk utama/ladang/ sempadan, pemagaran perimeter/ sempadan, kolam tadahan air, telaga tiub, sistem pengairan dan saliran serta bekalan elektrik dan air bersih. Selain itu, Kerajaan juga perlu melaksanakan pembersihan kawasan dan penanaman rumput sebagai foder. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:
  - i. Pada 14 Disember 2006, Kementerian telah melantik APT Equity Sdn. Bhd. melalui proses tender terbuka untuk melaksanakan kerja mereka bentuk, membina, membersihkan kawasan, menanam rumput dan membangunkan infrastruktur pengairan melibatkan keluasan tanah 5,000 ekar bagi tempoh 28 Disember 2006 hingga 27 Jun 2007. Adalah didapati kerja berkenaan hanya dapat disiapkan pada 17 Januari 2008 iaitu setelah 3 lanjutan masa melibatkan 204 hari diluluskan. Semakan Audit selanjutnya mendapati Kementerian telah melantik syarikat yang sama secara rundingan terus (selepas mendapat kelulusan Perbendaharaan) pada 16 Julai 2007 untuk melaksanakan kerja pembinaan pagar berangkai dan jalan ladang melibatkan keluasan tanah 2,000 ekar. Tempoh kontrak ini adalah dari 1 Ogos 2007 hingga 30 November 2007. Bagaimanapun, kerja hanya dapat disiapkan pada 24 April 2008 iaitu setelah 2 lanjutan masa melibatkan 146 hari diluluskan. Sebab lanjutan masa diluluskan untuk kedua-dua kontrak adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.2  
PERIHAL DAN SEBAB LANJUTAN MASA DILULUSKAN**

PERIHAL KONTRAK	LANJUTAN MASA	TEMPOH	JUMLAH HARI	SEBAB LANJUTAN MASA
Kerja Mereka Bentuk, Membina Dan Menyiapkan Kerja Membersihkan Kawasan, Menanam Rumput Dan Membangunkan Infrastruktur Pengairan	Pertama	28.06.2007 hingga 28.09.2007	93	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perubahan Skop Kerja Bagi Penanaman Rumput</li> <li>Pembangunan Infrastruktur Bekalan Elektrik</li> <li>Pembinaan Kolam Tambahan</li> </ul>
	Kedua	29.09.2007 hingga 17.12.2007	80	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembangunan Infrastruktur Bekalan Elektrik</li> </ul>
	Ketiga	18.12.2007 hingga 17.01.2008	31	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembangunan Infrastruktur Bekalan Elektrik</li> </ul>
<b>JUMLAH</b>			<b>204</b>	
Pembinaan Pagar Berangkai Dan Jalan Ladang	Pertama	01.12.2007 hingga 31.01.2008	62	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembangunan Telaga Tiub</li> </ul>
	Kedua	01.02.2008 hingga 24.04.2008	84	<ul style="list-style-type: none"> <li>Meroboh Dan Membina Semula Pintu Gerbang Kem Syed Sirajuddin</li> <li>Tangki Rawatan Air Telaga Tiub</li> <li>Perubahan Lokasi Tangki Air dan Sistem Perpaipan</li> </ul>
<b>JUMLAH</b>			<b>146</b>	

- ii. Nilai kontrak asal bagi kerja mereka bentuk, membina, membersihkan kawasan, menanam rumput dan membangunkan infrastruktur pengairan yang berjumlah RM19.86 juta telah meningkat sebanyak RM3.60 juta (18.1%) kepada RM23.46 juta. Ini disebabkan oleh 3 Arahan Perubahan Kerja (APK) dan satu Pelarasan Harga Kontrak (PHK) yang diluluskan. Selain itu, nilai kontrak asal bagi kerja pembinaan pagar berangkai dan jalan ladang yang berjumlah RM11.48 juta telah meningkat sebanyak RM2.12 juta (18.5%) kepada RM13.60 juta disebabkan 3 Arahan Perubahan Kerja dan satu Pelarasan Harga Kontrak. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.3  
ARAHAN PERUBAHAN KERJA DAN PELARASAN HARGA KONTRAK**

KONTRAK	NILAI KONTRAK (RM Juta)	ARAHAN PERUBAHAN KERJA DAN PELARASAN HARGA KONTRAK		NILAI KONTRAK SELEPAS APK DAN PHK (RM Juta)
		BIL.	NILAI (RM Juta)	
Kerja Mereka Bentuk, Membina Dan Menyiapkan Kerja Membersihkan Kawasan, Menanam Rumput Dan Membangunkan Infrastruktur Pengairan	19.86	APK 1	0.79	23.46
		APK2	6.54	
		APK3	(3.69)	
		PHK	(0.04)	
Pembinaan Pagar Berangkai Dan Jalan Ladang	11.48	APK 1	0.98	13.60
		APK 2	1.18	
		APK 3	0.24	
		PHK	(0.28)	

- iii. Arahan Perbendaharaan menetapkan tempoh kontrak hendaklah masih berjalan semasa APK dipohon dan sekiranya jumlah keseluruhan APK melebihi 20% daripada nilai kontrak, kelulusan APK hendaklah diperolehi daripada Perbendaharaan. Semakan Audit selanjutnya mendapati perkara berikut:

- Kelulusan APK bagi kontrak mereka bentuk, membina dan menyiapkan kerja membersihkan kawasan, menanam rumput dan membangunkan infrastruktur pengairan adalah teratur.
  - Apabila APK 3 bagi kontrak pembinaan pagar berangkai dan jalan ladang menyebabkan perubahan jumlah kos keseluruhan menjadi 20.9%, kelulusan Perbendaharaan perlu diperolehi. Selain itu, didapati kontrak ini telah disahkan siap pada 24 April 2008, namun APK 3 dihantar kepada Perbendaharaan pada bulan Januari 2009, iaitu 8 bulan selepas kerja disahkan siap. Perbendaharaan telah meluluskan APK tersebut pada 29 April 2009 dengan mengingatkan Kementerian supaya kelulusan perubahan kerja hendaklah dipohon sebelum kerja disiapkan. *Mengikut ulasan Kementerian, kelewatan untuk mendapat kelulusan Perbendaharaan adalah disebabkan proses rundingan harga bagi APK 3 di mana kos keseluruhan APK telah melebihi 20%. Daripada tuntutan kontraktor berjumlah RM0.61 juta, yang diluluskan hanya berjumlah RM0.24 juta.*
- iv. Perjanjian pelaksanaan juga menghendaki Kementerian membangunkan *abattoir* berkapasiti sembelihan 350 ekor sehari. Pelawaan tender telah dibuat pada 17 Disember 2008, namun Kementerian Kewangan pada 27 Mei 2009 telah mengarahkan supaya pembinaan *abattoir* dan semua pelaksanaan projek yang berkaitan dengan PFN ditangguhkan sehingga kajian *Viability and Business Model Project* dilaksanakan. Penangguhan pembinaan *abattoir* ini telah menyebabkan pihak NFCorp membina sendiri *mini abattoir* yang berkapasiti sembelihan 100 ekor sehari dan telah mula beroperasi pada 8 Mac 2009.
- b. Berdasarkan perjanjian pelaksanaan, NFCorp mempunyai obligasi yang perlu dipenuhi untuk mencapai sasaran pengeluaran yang telah ditetapkan. Antaranya adalah seperti membangunkan kemudahan, menguruskan projek PFN, menyenggara infrastruktur dan mengeluarkan lembu fidlot. Semakan Audit mendapati beberapa obligasi yang dinyatakan dalam perjanjian tersebut masih belum dilaksanakan seperti berikut:
- i. Kilang makanan ternakan untuk menyediakan makanan ternakan berasaskan sisa pertanian dan perindustrian kelapa sawit dengan campuran mineral dan nutrien sebagai tambahan kepada foder masih belum dibina.
  - ii. Kilang Bio Gas yang berfungsi sebagai pusat pengumpulan dan pemprosesan sisa pepejal dari *abattoir* dan fidlot untuk dijadikan *bio gas* bagi menjana kuasa elektrik di tapak NFCorp masih belum dibina.

- c. Berdasarkan maklum balas, perancangan projek telah dibuat dengan mengambil kira keperluan untuk mencapai objektif projek pada masa itu iaitu bagi menyediakan keperluan kemudahan asas dengan segera. Pembinaan pagar berangkai dan jalan ladang tidak dimasukkan dalam kontrak asal kerana kesuntukan masa yang mendesak pada masa itu. Sehubungan itu, perjanjian pelaksanaan masih belum dikuatkuasakan sepenuhnya kerana keputusan Kementerian Kewangan untuk menanggungkan projek PFN sehingga kajian *Viability And Business Model Project* dilaksanakan terlebih dahulu.

**Pada pendapat Audit, permohonan Arahan Perubahan Kerja selepas kerja disahkan siap sepenuhnya adalah tidak teratur dan dapat dielakkan sekiranya perancangan dibuat dengan teliti dan menyeluruh. Selain itu, Kementerian perlu memastikan *integrator* memenuhi obligasi selepas hala tuju projek mendapat keputusan muktamad Kerajaan.**

#### **12.4.2. Pengurusan Projek**

Perancangan yang teliti dan menyeluruh hendaklah dibuat bagi memastikan sesuatu projek dapat dilaksanakan dengan lancar seperti mana yang dijadualkan. Selain itu, kepentingan Kerajaan perlu diambil kira sebelum melaksanakan projek. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

##### **12.4.2.1. Kelewatan/Kegagalan Menandatangani Perjanjian Pelaksanaan**

- a. Walaupun NFCorp telah menerima tawaran sebagai integrator PFN pada 27 Oktober 2006, adalah didapati perjanjian pelaksanaan hanya ditandatangani pada 8 Mac 2010 iaitu selepas tempoh 3 tahun. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, kelewatan ini adalah disebabkan oleh masalah ketiadaan persetujuan yang dapat dicapai oleh kedua-dua pihak dalam menentukan obligasi Kerajaan dan NFCorp, program keusahawanan lembu fidlot, penamatan perjanjian atas kepentingan negara serta pandangan yang dikemukakan oleh Jabatan Peguam Negara. Untuk mendapat persetujuan kedua-dua pihak terlibat, sebanyak 32 mesyuarat telah diadakan.*
- b. Lamberts telah menarik diri pada 13 November 2008 selepas infrastruktur kawasan dibangunkan oleh Kementerian. Memandangkan tiada perjanjian ditandatangani dengan syarikat, Kementerian tidak dapat mengenakan denda atau menuntut ganti rugi daripada syarikat tersebut. Lawatan Audit pada bulan Mac 2011 mendapati kawasan seluas 500 ekar serta kemudahan seperti kolam takungan air dan rumah pam masih belum digunakan (**Gambar 12.3 dan 12.4**). *Berdasarkan maklum balas, Kementerian telah mengadakan perbincangan dengan beberapa agensi dan sektor swasta untuk mengambil alih tapak. Bagaimanapun, hasil perbincangan tidak mendapat maklum balas positif dan memuaskan. Di samping itu, Kementerian telah menyokong cadangan NFCorp untuk melaksanakan*

penanaman rumput di tapak berkenaan bagi menghasilkan fodder. Bagaimanapun, keputusan pajakan tanah kepada NFCorp masih dalam pertimbangan dan kelulusan Kerajaan Negeri Sembilan.

GAMBAR 12.3



Kawasan Yang Sepatut Dipajak Kepada Lamberts  
- Kolam Takungan Yang Belum Digunakan  
(08.03.2011)

GAMBAR 12.4




Kawasan Yang Sepatut Dipajak Kepada Lamberts  
- Rumah Pam Air Yang Belum Digunakan  
(08.03.2011)

Pada pendapat Audit, kelewatan/kegagalan menandatangani perjanjian boleh menjejaskan kepentingan Kerajaan. Selain itu, kawasan yang telah dibangunkan perlu dimajukan supaya pembaziran dapat dielakkan dan Kerajaan mendapat *value for money* bagi kos pembangunan yang telah dibelanjakan.

#### 12.4.2.2. Pengurangan Keluasan Kawasan Projek

- a. Pada asalnya keluasan kawasan bagi projek PFN adalah seluas 5,000 ekar yang terdiri daripada hutan simpan yang ditanam pokok *acacia*. Kerja pembersihan kawasan tersebut (5,000 ekar) telah dijalankan dengan kos RM4.8 juta. Bagaimanapun, sebanyak 3,000 ekar telah diambil semula oleh MBNS Inc pada tahun 2007 setelah kerja pembersihan dilaksanakan. Sehubungan itu, baki keluasan kawasan untuk projek PFN hanya 2,000 ekar seperti di peta berikut:



- b. Adalah didapati Kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM2.84 juta untuk kerja pembersihan kawasan seluas 3,000 ekar yang kemudiannya dipulangkan kepada MBNS Inc. Berdasarkan maklum balas, Kementerian tidak akan menuntut balik kos pembersihan kawasan seluas 3,000 ekar kerana kawasan tersebut akan digunakan untuk aktiviti penternakan di bawah program Taman Kekal Pengeluaran Makanan. Di samping itu, MBNS Inc. telah menuntut bayaran yuran perunding berjumlah RM0.93 juta bagi menjalankan kajian Pelan Induk Pembangunan Beef Valley di Gemas dan Kementerian telah meminta MBNS Inc. untuk membiayai kos kajian tersebut.

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah memastikan pelaksanaan rancangan MBNS Inc. untuk membangunkan tapak seluas 3,000 ekar di bawah program Taman Kekal Pengeluaran Makanan adalah selari dengan objektif projek PFN.

#### 12.4.2.3. Infrastruktur Tidak Digunakan/Tidak Dapat Digunakan

Lawatan Audit ke tapak projek PFN pada bulan Mac 2011 mendapati beberapa infrastruktur yang dibangunkan tidak digunakan atau tidak dapat digunakan seperti berikut:

- a. *Water Intake Outlet* (Gambar 12.5) untuk menyiram tanaman foder tidak pernah digunakan sejak ia dipasang.



GAMBAR 12.5

*Kawasan NFCorp  
- Water Intake Outlet Tidak Diguna  
(08.03.2011)*

- b. Satu daripada 4 telaga tiub (Gambar 12.6) yang dibina tidak dapat digunakan atas sebab yang tidak dapat dipastikan.



GAMBAR 12.6

*Kawasan NFCorp  
- Telaga Tiub Tidak Dapat Digunakan  
(08.03.2011)*

- c. Berdasarkan maklum balas, semasa kontrak pembersihan kawasan, menanam rumput dan membangunkan infrastruktur pengairan disahkan siap pada bulan Januari 2008, kesemua infrastruktur telah diuji dan didapati berfungsi dengan baik.

Pada pendapat Audit, pembinaan infrastruktur pengairan yang kemudiannya tidak digunakan oleh NFCorp merupakan pembaziran kepada Kerajaan.

#### 12.4.2.4. Infrastruktur Tidak Disenggarakan Dengan Memuaskan

- a. Mengikut perjanjian pelaksanaan, NFCorp adalah bertanggungjawab untuk menyenggara infrastruktur yang telah dibina oleh Kerajaan. Bagaimanapun, lawatan Audit ke tapak PFN mendapati beberapa infrastruktur tidak diselenggarakan dengan memuaskan oleh NFCorp. Antaranya ialah jalan masuk berlopak dan pagar berangkai telah tumbang. Selain itu, benteng salah satu kolam takungan telah runtuh ketika berlakunya banjir di kawasan Gemas pada bulan Januari 2011. Ini mengakibatkan paras air di kolam takungan berkenaan menjadi cetek. Contoh infrastruktur yang tidak diselenggarakan dengan memuaskan adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 12.7



Kawasan NFCorp  
- Jalan Masuk Berlopak  
(08.03.2011)

GAMBAR 12.8



Kawasan NFCorp  
- Pagar Berangkai Tumbang  
(08.03.2011)

GAMBAR 12.9



Kawasan NFCorp  
- Benteng Runtuh Akibat Banjir  
(08.03.2011)

GAMBAR 12.10



Kawasan NFCorp  
- Paras Air Menjadi Cetek Di Kolam  
Takungan Akibat Benteng Runtuh  
(08.03.2011)

- b. Jalan perimeter sepanjang 14 km dan pagar berangkai telah dibina oleh Kerajaan untuk kawasan yang sepatutnya dipajak kepada Lamberts. Lawatan Audit mendapati jalan tersebut telah mendap, beralun terutama di bahagian yang berdekatan dengan sungai serta ditumbuhi pokok *acacia*. Ini menyebabkan jalan tersebut tidak boleh dilalui oleh kenderaan. Selain itu, pagar berangkai juga ditemui tumbang di beberapa tempat. Contoh keadaan jalan dan pagar berangkai adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 12.11



Kawasan Yang Sepatut Dipajak Kepada Lamberts  
- Jalan Perimeter Mendap  
(08.03.2011)

GAMBAR 12.12



Kawasan Yang Sepatut Dipajak Kepada Lamberts  
- Jalan Perimeter Ditumbuhi Pokok Acacia  
(08.03.2011)



GAMBAR 12.13

Kawasan Yang Sepatut Dipajak Kepada Lamberts  
- Pagar Berangkai Tumbang  
(08.03.2011)

- c. Berdasarkan maklum balas, infrastruktur yang dibina oleh Kerajaan dalam kawasan NFCorp perlu disenggarakan oleh syarikat berkenaan. Bagi jalan utama yang terletak di luar kawasan senggaraan NFCorp, permohonan peruntukan berjumlah RM10 juta bagi tujuan menaik taraf jalan telah ditolak oleh Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Oleh itu, pada bulan Mac 2011, Kementerian telah memohon kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLBW) supaya KKLBW dapat mempertimbangkan cadangan menaik taraf jalan berkenaan. Bagi infrastruktur yang rosak/tumbang di kawasan yang sepatutnya dipajak kepada Lamberts, kerja pembaikan hanya akan dilaksanakan selepas syarikat baru dilantik untuk mengendalikan kawasan tersebut.

**Pada pendapat Audit, infrastruktur merupakan faktor yang penting bagi membantu memastikan objektif PFN tercapai. Dengan itu, kesemua infrastruktur yang telah dibina hendaklah disenggarakan dengan sempurna.**

## 12.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif PFN dicapai sepenuhnya, adalah disyorkan supaya Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani mengambil tindakan seperti berikut:

12.5.1. Mengamalkan strategi *Blue Ocean* dalam usaha meningkatkan pengeluaran daging lembu berkualiti supaya dapat mencapai sasaran pengeluaran sebanyak 60,000 ekor lembu menjelang tahun 2015.

12.5.2. Mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan dengan kadar segera untuk mendapat keputusan Kerajaan mengenai hala tuju projek.

12.5.3. Meningkatkan koordinasi dan komunikasi dengan Kementerian Kewangan, MBNS Inc dan NFCorp supaya isu/masalah pelaksanaan projek boleh diselesaikan dengan segera.

12.5.4. Meneruskan perbincangan dengan syarikat yang berminat untuk mengambil alih kawasan yang sepatutnya dipajak kepada Lamberts bagi mengelakkan pembaziran serta memastikan Kerajaan mencapai *value for money*.

12.5.5. Meningkatkan pemantauan supaya NFCorp menyempurnakan obligasinya seperti yang ditetapkan dalam perjanjian pelaksanaan. Antara lainnya, NFCorp perlu melaksanakan program bagi melahirkan 130 pengusaha ladang satelit dan menjalankan penyenggaraan terhadap infrastruktur yang dibina oleh Kerajaan.